

HANG TUAH DARI SUDUT KESARJANAAN*

Mohd Samsudin**

Abstrak

Kedudukan Hang Tuah dalam bidang kesuasteraan Melayu tidak dapat dinafikan sudah mantap. Hang Tuah diterima dan diangkat sebagai lagenda Hero orang Melayu. Sifat dan pegangan prinsip Hang Tuah yang patuh dan setia kepada Sultan Melaka mengangkat laksamana Melaka ini sebagai seorang tokoh lagenda dalam kesusasteraan istana. Dalam bidang kesarjanaan, Hang Tuah mendapat tarikan daripada golongan sarjana bukan sahaja dalam negara bahkan ia dikaji oleh sarjana antarabangsa. Di peringkat antarabangsa beberapa institusi terkenal seperti yang terdapat di *the Department of Interdisciplinary Studies of Culture*, Russia; School of Oriental and African Studies, University of London, United Kingdom dan juga sarjana-sarjana Fullbright. Terdapat dua bidang ilmiah yang sering mengkaji Hang Tuah, iaitu kesusasteraan dan sejarah. Hang Tuah membina kesarjanaan pengkajinya semenjak abad ke 18 lagi. Kerta kerja ini akan mengkaji perkembangan kesarjanaan dalam kajian terhadap Hang Tuah.

Pengenalan

Hang Tuah adalah merupakan lagenda kepahlawan orang Melayu yang diangkat menjadi tokoh besar dalam sastera dan sejarah di negara ini. Kepentingan Hang Tuah kepada masyarakat amatlah besar kerana ia dianggap tokoh yang bukan sahaja mempunyai ilmu persilatan yang hebat tetapi ketaatan beliau kepada Sultan Melaka menjadikan sistem sosio-budaya masyarakat Melayu menjadikan tokoh ini sebagai idola. Pengetahuan masyarakat mengenai Hang Tuah adalah melalui karya sastera-sejarah iaitu dalam Sulatus Salatin yang menyebut mengenai penglibatan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka. Hang Tuah juga wujud dalam karya sastera klasik melalui sejarah lisan yang kemudiannya dibukukan menjadi Hikayat Hang Tuah. Pada masa lalu, hikayat ini diperdengarkan kepada penonton sebagai sebuah cerita yang dapat menjadi pengajaran, kebanggaan, sindiran dan contoh. Hang Tuah sudah menjadi bahan

* Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Drs Wan Aminuddin Wan Ab. Hamid yang memujuk saya menyediakan kertas seminar dan membentangkan dalam Seminar Lisan Hang Semaun di Melaka pada 12 Disember 2017. Beliau adalah seorang rakan yang sentiasa tanpa penat lelah mahukan kita melakukan penyelidikan dan seminar bagi memasyarakatkan sejarah. Bagaimanapun rasa dukacita kerana saya tidak sempat membentangkan di hadapan beliau kerana Drs Wan Aminuddin telah meninggal dunia pada 1 Disember 2017 di Shah Alam. Rasa terharu dan terhutang budi saya kepada Allahyarham. *Al Fatihah*.

** Prof. Madya Dr. Mohd Samsudin ialah pensyarah kanan di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.

yang penting dalam pendidikan sejak tahun 1950-an lagi. Oleh kerana Hang Tuah ini penting dalam kehidupan masyarakat Melayu, maka watak beliau telah dimunculkan dalam pelbagai bentuk hiburan. Ada dalam filem Hang Tuah yang dilakonkan oleh P. Ramlee, menjadi bahan yang dipentaskan sama ada sketsa ataupun teater. Hang Tuah juga dijadikan sebagai tokoh penting di Melaka. Bagi mengingati Hang Tuah, disemadikan dalam pelbagai bentuk seperti nama taman perumahan, kapal tentera laut K.D Hang Tuah. Malahan kerajaan negeri Melaka memainkan peranan utama membangunkan beberapa mercu tanda Hang Tuah seperti makam, perigi, bangunan serta kompleks Hang Tuah.

Kedudukan Hang Tuah dalam masyarakat Melayu menjadi lebih signifikan dengan adanya usaha yang dilakukan oleh para sarjana yang mengkaji mengenai tokoh ini. Sebahagian besar ahli sarjana dalam pelbagai bidang mengakui kewujudan tokoh legenda Hang Tuah. Terdapat dua bidang kesarjanaan utama membincangkan mengenai Hang Tuah, pertama dalam bidang kesusasteraan dan kedua dalam bidang sejarah. Kedua-dua bidang ini menjadi objek kajian sarjana tempatan sejak dari penubuhan Universiti Malaya pada tahun 1955. Terdapatlah ramai sarjana yang telah mengkaji mengenai Hang Tuah, antaranya Taib Osman,¹ V.I. Braginsky,² A. Teeuw, Parnickel. Kajian ahli sarjana sejarah mengenai Hang Tuah juga penting bagi mengangkat kedudukan Hikayat Hang Tuah sebagai sebuah sastera sejarah. Dalam bidang sejarah, kajian terhadap Hang Tuah dilakukan menerusi sejarah budaya yang melibatkan kajian berbentuk arkeologi budaya. Manakala dalam bidang kedua, kajian yang dilakukan oleh sarjana sejarah adalah menerusi kajian manuskrip atau naskah Melayu yang sebahagian besarnya dalam tulisan jawi. Untuk mengkaji manuskrip ini bidang yang berkaitan ialah ilmu filologi. Naskhah dan manuskrip Melayu Tradisi telah menjadi alat penyebaran ilmu dalam kalangan masyarakat Melayu.

Dalam masa yang sama Hang Tuah juga dikaji secara ilmiah. Tokoh pertama yang menulis tesis pra-siswazah bertajuk Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu ialah Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid pada tahun 1961.³ Kajian tesis mengenai Hang Tuah oleh Ahmad Sarji adalah cadangan Profesor R. Roolvink pada ketika itu menjadi Ketua Jabatan pengajian melayu, Universiti Malaya. Roolvink telah mencadangkan Ahmad Sarji menggunakan Hikayat Hang Tuah dalam siri Kesusasteraan Melayu, bilangan 3, sebanyak 4 jilid yang diterbitkan pada tahun 1959.⁴ Ahmad Sarji telah menerbitkan penulisan bertajuk Hang Tuah: Tokoh Epik Nasional.⁵ Selepas itu, maka semakin banyaklah kajian mengenai Hikayat Hang Tuah dilakukan oleh para mahasiswa sebagai penulisan tesis.

-
- 1 Profesor Dr Mohd Taib Osman (lahir 1934) memulakan kariernya sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 1959. Kepakaran beliau adalah di dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda (B.A) dan Sarjana (M.A) daripada Universiti Malaya, Singapura. Manakala Ijazah Kedoktoran diterima daripada Indiana University, A.S. Beliau pernah berkhidmat di Advisory Council, UNESCO dalam bidang pengajian Melayu dan kebudayaan Asia Tenggara pada 1970an dan awal 1980an. Penulisan beliau bukan sahaja dalam bidang kesusasteraan Melayu tetapi juga menyentuh tentang masalah kebudayaan nasional.
 - 2 V.I. Braginsky adalah seorang sarjana kesusasteraan Melayu dan Indonesia berkelulusan daripada Universiti Moscow. Beliau menyambung pengajian Sarjana dan Ph.D di Institute of Oriental Studies of the Academy of Sciences, Moscow.
 - 3 Ahmad Sarji Abdul Hamid, Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu, Latihan Ilmiah (BA), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1961.
 - 4 Ahmad Sarji Abdul Hamid, Hang Tuah: Tokoh Epik Nasional, Pelanduk Publication, Subang Jaya, 2004.
 - 5 Ahmad Sarji Abdul Hamid, Hang Tuah: Tokoh Epik Nasional.

Penglibatan Sarjana dalam Kajian Hang Tuah

Hikayat Hang Tuah sebenarnya telah menjadi sebuah kisah legenda yang ketahu oleh masyarakat Melayu di rantau ini semenjak berzaman. Hang Tuah dianggap seorang wira yang sempurna mempunyai kepandaian luar biasa dalam pelbagai bidang, persilatan, ilmu agama dan amalan harian. Kehebatan Hang Tuah adalah mengenai kesetiaan beliau terhadap Sultan Melaka. Antara tokoh awal yang terlibat mengkaji mengenai Kesultanan Melaka ialah John Leyden. Leyden telah menterjemahkan karya Sejarah Melayu ke dalam bahasa Inggeris atas sokongan kuat Stamford Raffles pada tahun 1821.⁶ John Leyden mula datang ke “Eastern Islands” pada tahun 1805 telah berminat mengkaji dan mengumpulkan hasil riwayat dan tradisi masyarakat Alam Melayu. Usaha yang dilakukan oleh Leyden adalah pada ketika penduduk Eropah memandang rendah dan prejudice terhadap masyarakat Alam Melayu. Masyarakat kawasan ini dianggap kurang bertamadun berbanding Barat. Usaha Leyden sebenarnya telah menyedarkan golongan sarjana Eropah bahawa sebenarnya masyarakat Melayu mempunyai tamadun dan budaya tinggi. Malahan Sejarah Melayu yang dikumpulkan oleh Leyden adalah bukti bahawa terdapatnya historiografi dalam kalangan masyarakat Melayu. Ini terbukti terdapat sebuah karya sastera sejarah yang menggambarkan kehebatan sebuah kerajaan Melaka. Seterusnya T. Braddel yang memberikan minat dengan menulis sebuah artikel mengenai Sejarah Melayu dimuatkan dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* pada tahun 1881.⁷ Bagaimanapun tiada perkembangan aktif yang dilakukan sekitar 1880-an mengenai kajian terhadap Sejarah Melayu mahupun Hang Tuah.

Usaha serius yang diambil ialah pada tahun 1938 oleh R O Winstedt mengumpulkan hasil-hasil mengenai sejarah dan sastera sesebuah kerajaan Melayu. Winstedt memulakan usaha beliau menerbitkan hasil ini, antara yang terawal ialah Sejarah Kedah dan Sejarah Melayu pada tahun 1938. Seorang lagi sarjana antarabangsa yang bergiat aktif pada tahun 1938 ialah C. C. Berg. Bagaimanapun Berg lebih banyak menumpukan mengenai sastera di Pulau Jawa dan sekitar Indonesia.

Perkembangan kesarjaan mengenai Hang Tuah adalah mengikut zaman yang tertentu. Pada peringkat awal sekitar 1950-an, usaha para sarjana ialah membukukan cerita Hang Tuah. Terdapat beberapa perkembangan yang memperngaruhi perakara ini. Pertama, belum ada manuskrip yang berjaya diterbitkan mengenai Hang Tuah. Kisah mengenai Hang Tuah ini menjadi *folklore* dalam kalangan orang Melayu. Ianya berasal daripada sastera lisan yang disampaikan dalam bentuk rasmi dan hiburan. Peringkat 1950-an belum menemukan begitu banyak manuskrip mengenai Hang Tuah kerana yang ada hanya melalui Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah. Anantara sarjana awal tahun 1950an yang mengkaji mengenai Hang Tuah ialah B.B. Panickel pada tahun 1959. Tengku Iskandar walaupun tidak mengkaji mengenai Hang Tuah tetapi kajian beliau adalah terhadap Hikayat Acheh. Seorang sarjana Barat dalam era ini yang terkenal mengkaji mengenai Sejarah Melayu dan peristiwa di dalamnya ialah C.C. Brown.⁸

6 John Leyden, 1821, Malay Annals, Longman, Hurst, Juees, Orme and Brown, London.

7 T. Braddel, “Abstract of the Sijara Melayu or Malayan Annals with Notes”, Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia, Vol. V, Feb 1881.

8 Sejarah Melayu or Malay Annals; A Translation of Raffles MS 18, JMBRAS, Vol. XXV, Pt. II and III, 1952, pp.12-17.

Menjelang tahun 1960 terdapat kegiatan aktif dalam kalangan ahli sarjana antarabangsa dan tempatan yang menjalankan penyelidikan serius mengenai Hang Tuah. Dengan adanya beberapa orang tenaga akademik di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, kajian terhadap Hang Tuah sudah mula bertapak di Kuala Lumpur. Beberapa tokoh yang dikenal pasti ialah R.O. Winstedt, Kassim Ahmad, C Skinner, A Teeuw. Pada awal tahun 1960an, Winstedt telah memimpin kajian mengenai Sejarah Melayu yang termasuk juga kedudukan Hang Tuah. Beliau juga telah menyatakan pandangannya bahawa Sejarah Melayu mempunyai pengaruh daripada elemen asing terutamanya.⁹ Pengaruh asing ini telah mempengaruhi penyelidikan yang berterusan mengenai historiografi Melayu termasuklah Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah, yang pada tahun 2015 memperlihatkan Ahmat Adam mengaitkan Sejarah Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur bahasa Jawa. Satu lagi isu yang dibangkitkan mengenai teks sastera ialah menegnai ketepatan fakta dalam Sejarah Melayu. Ianya membawa kepada penelitian yang dilakukan oleh Profesor de Jong dan John Bastin. De Jong sebenarnya telah mengkaji pelbagai elemen yang terdapat dalam Sejarah Melayu. Dua perkara yang diberi perhatian oleh beliau ialah mengenai karektor dan ketepatan fakta yang terdapat dalam Sejarah Melayu.¹⁰ De Jong mendapati teks Sejarah Melayu terutama bercampur aduk antara peristiwa sejarah dengan unsur mitos dan legenda.¹¹ Untuk itu penceritaan mengenai Hang Tuah turut berada dalam komentar yang sama oleh De Jong.

Kajian mengenai teks sastera turut mendapat perhatian dan minat sarjana di Amerika Syarikat terutamanya J.C Bottoms. Bottoms membantu memberi pencerahan mengenai sifat dan rupabentuk Hikayat yang diinginkan oleh sarjana tempatan. Roolvink dalam penjelasan beliau mengenai kaitan hikayat dengan sejarah mengatakan;

*"The fact that the words hikayat and cherita, chetera, or cheritera (=story, tale) are also fairly indiscriminately applied to "histories" helps to indicate their partly fictional nature."*¹²

Menjelang tahun 1970-an memperlihatkan ahli sarjana yang lebih mengkhusus dalam bidang kajian Hang Tuah. Antara tokoh utama ialah sarjana sejarah iaitu Leonard Andaya pada tahun 1978 yang mengkaji mengenai kerajaan Johor. Tidak banyak perkembangan penulisan dan penelitian pada tahun-tahun 1970-an mengenai Hang Tuah. Bagaimanapun yang agak menonjol ialah sebuah karya yang diusahakan bersama oleh A Teeuw dan D.K Wyatt bertajuk *Some Historical sources used by the author of Hikayat Hang Tuah* yang diterbitkan dalam jurnal JMBRAS.

Menjelang tahun 1980-an sarjana yang terlibat dalam tahun 1970-an sudah menjadi matang dan menghasilkan hasil kajian yang lebih mendalam. Maka lahirlah sarjana antaranya E.U Kratz, V. I. Braginsky, Muhammad Haji Salleh. Kajian dan penulisan yang dihasilkan

9 Winstedt, R.O. 1961. A History of Classical Malay Literature. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS), 31 (3): 1-261.

10 P. E. De Josselin De Jong, "The Character of the Malay Annals", in John Bastin and R. Roolvink (ed.), Malayan and Indonesian Studies, The Clarendon Press, Oxford, 1964, p.235.

11 De Jong, "The Character of The Malay Annals", p.237.

12 J.C. Bottoms, "Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note," in Soedjatmoko (ed. et. al), An Introduction to Indonesian Historiography, Cornell University Press, New York, 1965, (pp. 156-193), pp. 180-181.

dalam era 80-an lebih mantap dan berwibawa terutama pendekatan metodologi kajian. Usaha para sarjana tempatan ialah menjadikan Hang Tuah diiktiraf sebagai lagenda dan pahlawan negara. Ianya juga bersesuaian dengan usaha kerajaan negeri Melaka yang berusaha menjadikan Hang Tuah sebagai ikon pahlawan negeri berkenaan. Kali ini peranan utama dimainkan oleh Profesor Mohd Taib Osman dan Profesor Abu Bakar Hamid yang membuka kajian mendalam terhadap historiografi Melayu.¹³ Abu Bakar Hamid mengumpulkan penulisan artikel sebagai buku pada tahun 1981.¹⁴

Profesor Taib Osman yang memimpin kajian mengenai Hang Tuah telah melahirkan sebuah buku kajian beliau pada tahun 1983 bersama-sama Abu Hassan Sham. Kedua-dua mereka telah menilai bahawa Hikayat Hang Tuah adalah merupakan sebuah epik Melayu asli yang terbesar dan terpenting.¹⁵ Muhammad Haji Salleh, seorang ahli akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, yang berlatarbelakang kepakaran dalam bidang sastera mengkaji mengenai nilai utama mengenai hero oleh Hang Tuah dalam kalangan masyarakat Melayu.¹⁶ Seorang lagi tokoh ialah Zahrah Ibrahim yang mula mempopularkan kajian terhadap bidang sastera Sejarah. Zahrah mengeluarkan sebuah buku bertajuk *Sastera Sejarah: Interpretasi dan penilaian* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1986.¹⁷ Keaktifan penyelidikan mengenai kajian teks sastera termasuk hikayat Hang Tuah juga adalah dengan sokongan kuat seorang sarjana Barat yang terkenal iaitu Profesor R. Roolvink. Roolvink turut bersama-sama Zahrah Ibrahim dan Mohd Taib Osman mengeluarkan hasil kajian mereka.¹⁸

Menjelang 1990-an, usaha kajian mengenai Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah menjadi lebih kompleks. Para sarjana masih terus menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditimbulkan sebelum ini. Namun demikian pada era ini, Hikayat Hang Tuah cuba dikupas dari segi sumbangan dan nilai baik kepada masyarakat. Muhammad Haji Salleh mengangkat kedudukan Sejarah Melayu dan juga penceritaan yang terdapat di dalamnya sebagai sejarah yang mendidik yang mengadungi unsur-unsur sejarah moral. Malahan Muhammad memperhalusi bahawa Tun Seri Lanang, penyusun Sejarah Melayu dan juga pengarang yang masih belum diketahui mempersembah penulisan berkenaan dengan tujuan memberi ingatan dan nasihat kepada generasi masa depan.¹⁹ Kajian mengenai Hang Tuah sekitar tahun 1990-an juga menarik perhatian beberapa sarjana Barat di London. Antaranya E.U Kratz, di School of Oriental and African Studies telah menerbitkan sebuah hasil kajianbeliau bertajuk "*Durhaka: The Concept of treason in the Malay Hikayat Hang Tuah*" pada tahun 1993.²⁰ Walaupun

13 Mohd. Taib Osman, "Tuhfat Al-Nafis - Corak Historiografinya - Persamaan dan Persimpangan dari Tradisi Historiografi Melayu," in Zahrah Ibrahim (ed), *Sastera Sejarah; Interpretasi dan Penilaian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, pp. 248-251.

14 A. Bakar Hamid (ed), *Peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*, Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.

15 Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham. 1983. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 98.

16 Muhammad Haji Salleh, , 'Central values of the Malay hero, Hang Tuah' , Tenggara 1983, hal. 18:74-97.

17 Zahrah Ibrahim "Pengantar" in Zahrah Ibrahim (ed), *Sastera Sejarah; Interpretasi dan Penilaian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986.

18 R. Roolvink, "Hikayat Raja-Raja Pasai", in Zahrah Ibrahim (ed), *Sastera Sejarah; Interpretasi dan Penilaian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986

19 Muhammad Haji Salleh, *The Mind of the Mala.y Author*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, pp.20-21.

20 E. U Kratz, "Durhaka: The Concept of treason in the Malay Hikayat Hang Tuah", *South East Asia Research*, Vol. 1, March, 1993, hal. 68-97.

konsep derhaka sudahpun dibincangkan oleh sarjana tempatan semenjak awal tahun 1970-an dan Hang Tuah tidak pernah menjejakkan kaki ke England tetapi penglibatan Kratz dalam penulisan menjadikan Hang Tuah dibincangkan di London. Kratz mengupas mengenai konsep derhaka dalam masyarakat Melayu yang terkandung dalam Hikayat Hang Tuah. Antara lain Kratz mengatakan;

Hang Tuah, the man who gave one of the most beautiful of all traditional Malay texts its name, is considered by most to epitomize the unquestioning loyalty of the Malay subject to his ruler.²¹

Seterusnya Kratz menganggap Hikayat Hang Tuah itu

In the case of Hikayat Hang Tuah it is based on a feudal society of the court of Melaka and on the personality of Hang Tuah, a presumably historical figure who also features in the Sejarah Melayu.

Era 2000-an memperlihatkan para sarjana memperkukuhkan pandangan mereka mengenai Hikayat Hang Tuah. Hang Tuah sudah semakin matang dan usianya. Setelah lebih 180 tahun daripada nama Hang Tuah ditemui dalam Sejarah Melayu, Muhammad Haji Salleh secara kreatif keluar daripada kerangka biasa membincangkan Hang Tuah. Pada tahun 2003, Muhammad Haji Salleh membentangkan kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Hikayat Hang Tuah di Universiti Sains Malaysia bertajuk Hang Tuah Bercakap Oghang Puteh: Terjemahan dan Penjelmaan Hang Tuah dalam bahasa Eropah.²² Dengan membincangkan dibahagian awal karya-karya agung seperti Ramayana yang diterjemah lebih bahasa, Hamlet dan King Lear diterjemah ke dalam berpuluh bahasa, Muhammad Haji Salleh membandingkan kedudukan Hikayat Hang Tuah;

Hikayat hang Tuah muncul dari imiginasi Melayu di Nusantara dan dewasa ini dianggap sebagai karya agung Indonesia, malaysia, Singapura dan Brunei, dan manusia berbahasa Melayu. Dialah wira budaya, tanpa tandingnya – sekiranya Kieu dan Lear serta Hamlet hanya wujud di halaman imiginasi sastera, hang Tuah diperakui wujud oleh Sulalat a—Salatin (Sejarah Melayu), walau dilakar dalam bentuk dan pencapaian yang lebih sederhana. Kata beberapa orang sarjana Hikayat Hang Tuah menjadi lebih besar di waktu Melaka dikalahkan oleh Portugis berterus-terusan di Johor dan Kampar, dan lukisan gemilang ini dijadikan sebagai penebus psikologi bangsa yang pernah besar tapi sedang kalah dewasa ini.²³

Pandangan yang diberikan oleh Profesor Muhammad Haji Salleh yang juga merupakan Sasterawan Negara adalah suatu yang mendalam. Pandangan beliau menyatakan

21 Ibid., hal 68.

22 Muhammad Haji Salleh, "Hang Tuah Bercakap Oghang Pute: Terjemamhan dan Penjelmaan Hang Tuah dalam Bahasa Eropah", Seminar Kebangsaan Hikayat Hang Tuah, "Takkan Melayu Hilang di Dunia", 26-27 September 2003, Universiti Sains Malaysia.

23 Ibid.

pada ketika kerajaan melaka sudah ditewaskan oleh Portugis, maka lahirlah sebuah genre dalam kalangan orang Melayu yang digunakan untuk mengangkat kedudukan masyarakat ini. Hikayat Hang Tuah adalah sebagai suatu alat psikologi yang digunakan bagi mengangkat pemikiran kalah atau kerdil masyarakat Melayu yang mengalami penjajahan Barat untuk tempoh lebih 446 tahun. Seterusnya Muhammad Haji Salleh berpandangan bahawa pengarang Hikayat Hang Tuah tidak mahu wira bangsanya hanya berjaya di perkarangan istana Melaka, tetapi dibawa ke negeri-negeri lainnya – ke Siam, keling, China, Arab dan malah ke Rom – iaitu kota pinggi empayar tertimurnya, Konstantinople.²⁴ Hujahan Muhammad Haji Salleh menganggap;

Inilah bayangan manusia besar dalam dunia besar kurun ke 14 atau 15. Bersamanya pengarang mengiringkan hasrat besar bangsa Melayu bahawa Hang Tuah menghani dan menyerlah dalam dunia yang lebih besar, dan orang Melayu memakai bukan sahaja wajah terhormat tetapi pintar, berkebolehan, menguasai persoalan di mana pun dia berada, berilmu- mengenali budaya dan bangsa yang dikunjungnya secara akrab.²⁵

Satu persoalan yang dibangkitkan oleh Muhammad Haji Salleh ialah sebagai sarjana beliau tidak dapat meneka gerak fikiran pengarang Hikayat Hang Tuah sama ada beliau memahami apa yang dikarangnya akan dikongsi dalam satu paradigma yang lebih besar melibatkan isu di dunia melibatkan msalah yang lebih universal dan menarik perhatian pembaca di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, sebenarnya tanpa mengetahui hasrat sebenar pengarang, Hikayat Hang Tuah sudah dapat menjadi tarikan dunia Barat sejak tahun 1821 lagi. Hikayat Hang Tuah dikenal pasti diterjemahkan ke dalam dalam pelbagai bahasa Eropah. Penterjemahan kepada beberapa bahasa hanya dibuat dalam kerangka tertentu. Penterjemahan dalam bahasa Jerman seperti diusahakan oleh Hans Overback pada tahun 1922. Seterusnya Hikayat Hang Tuah ke dalam bahasa Inggeris oleh Mubin C Sheppard bertajuk *The Adventures of Hang Tuah* yang diterbitkan pada tahun 1949. Hikayat Hang Tuah turut diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda sebagai sebuah drama pendek oleh Carel Voorhoeve bertajuk *Toeah en Djebat* pada tahun 1951.²⁶

Ahli-ahli sarjana seperti Mohd Taib Osman, Nik Hassan Shuhaimi, Muhammad Haji Salleh dan Profesor Ahmat Adam terus bekarya mengenai Hang Tuah. Berbanding sarjana lain, Ahmat Adam mempertingkat pandangan beliau mengenai kesahihan kewujudan Hang Tuah. Pada tahun 2014, Nik Hassan Shuhaimi telah membentangkan Syarahan Tun Seri Lanang bertajuk Hang Tuah: Antara Mitos dan Realiti.²⁷ Syarahan Nik Hassan adalah lebih bertujuan mempertahankan mengenai kesahihan kewujudan Hang Tuah yang menjadi polemik ahli-ahli sarjana. Dengan menggunakan kepakaran bidang arkeologi, kajian Nik Hassan terhadap makam tua di Tanjung Keling mempertahankan bahawa ianya adalah makam Hang Tuah seperti mana yang disebut oleh Sejarah Melayu versi Shellabear dan Raffles.²⁸ Selain

24 Ibid.

25 Ibid.

26 Ibid.

27 Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Syarahan Tun Seri Lanang, Hang Tuah: Antara Mitos dan reality, UKM, Bangi, 2014.

28 Ibid.

itu, Nik Hassan menggunakan faktor amalan mandi safar dalam kalangan masyarakat Melayu adalah merupakan tradisi yang sudah diamalkan sejak berkurun lamanya yang menandakan wujudnya Hang Tuah.²⁹

Hang Tuah dalam konteks Ilmiah

Para sarjana yang mula mengkaji mengenai Hang Tuah ialah dalam bidang kesusasteraan Melayu. Malah bidang penyelidikan kesarjanaaan kesusasteraan mengenai Hang Tuah adalah berasaskan kepada karya yang terkandung di dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah. Bidang kesusasteraan mengenai Hang Tuah tidak mempunyai polemik yang besar, sebaliknya dikembangkan menjadi satu bidang yang besar. Sebahagian besar sarjana kesusasteraan yang mengkaji mengenai Hikayat Hang Tuah membina karya ini sebagai satu epik yang bernilai atau bermutu tinggi. Malahan sarjana kesusasteraan lebih menilai Hikayat Hang Tuah sebagai sastera tardisonal mengandungi unsur-unsur sejarah, lagenda dan mitos yang diangkat secara bersama yang menjadikan ianya bernilai tinggi.

*Traditional literature worked on what Maier (1985) terms as “art of relevance”; stories, episodes, themes, motifs were absorbed into the hikayat for their relevance in conjuring up a convincing picture of the past, not for their validity or truth. In this respect history, legends, myths were treated equally—as traditional stories to be used or appropriated by the scribe in his creative endeavour to build a convincing story.*³⁰

Kajian akademik mengenai Hikayat Hang Tuah telah dilakukan oleh Profesor A. Teeuw pada tahun 1960 yang mengkaji tentang kesusasteraan klasik Melayu dalam bentuk hubungan antara Sultan dan rakyatnya.³¹ Manakala Kassim Ahmad merupakan sarjana tempatan yang menjadi golongan terawal mengkaji mengenai Hang Tuah. Sumbangan besar Kassim Ahmad ialah menterjemah Hikayat Hang Tuah daripada jawi kepada rumi. Pada tahun 1974, Kassim mengatakan bahawa Hikayat Hang Tuah adalah satu hasil epik kesusasteraan Melayu yang lengkap.³² Ketika membuat kajian mengenai Hang Tuah, Braginsky tidak dapat menyelesaikan mengenai bilakah Hikayat Hang Tuah dihasilkan kepada tatapan umum.³³ Braginsky mengkaji bilakah kemunculan Hikayat Hang Tuah tidak menemukan jawapan beliau. Sebaliknya penyelidikan yang dilakukan oleh B. B. Panickel mengatakan cerita dalam Hikayat Hang Tuah ini lebih sesuai dalam era Kesultanan Johor sewaktu zaman kegemilangan kerajaan Johor selama 30 tahun iaitu dari 1640-1670.³⁴ Malahan, mengikut Panickel cerita

29 Ibid.

30 Noriah Taslim, “The Making Of The Medieval Malay Hero Hang Tuah: Stories Behind The Epic Scene”, hal. 165.

31 A. Teeuw, ‘De Maleise roman’, Forum der Leneren Mei 1960:108-120. 1960; 1961;1964

32 Kassim Ahmad, 1964. Kata Pengantar di dalam “Hikayat Hang Tuah”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

33 V.I. Braginsky, “Hikayat hang Tuah: Malay Epic and Muslim Mirror, Some Considerations on its Date, Meaning and Structure”, hal. 399.

34 B.B. Panickel, The Johor recension of the Hikayat Hang Tuah 1962. Hal. 148-9.

yang digambarkan dalam Hikayat Hang Tuah itu sebenarnya lebih sesuai dengan suasana kerajaan Johor-Riau. Malahan kajian mengenai kerajaan Johor-Riau oleh L. Andaya pada tahun 1978 memperkuat pandangan Panickel. Panickel telah mengangkat kajian Hang Tuah dalam perhatian sarjana antarabangsa.

Kandungan Hikayat Hang Tuah menghubungkan kaitkan dengan sejarah Johor sekitar lewat 1650 dan 1680. Braginsky lebih yakin pertembungan kerajaan Melaka dan Majapahit seperti yang terkandung dalam Hikayat Hang Tuah adalah sebenarnya pengalaman semasa yang dihadapi oleh kerajaan Johor yang berdepan dengan ancaman daripada Jambi. Andaya berpendapat;

Malacca features, in our view, as a natural symbol for Johor, while Majapahit stands for Jambi, since the rulers and aristocrats of this principality bore Javanese names and titles² and the principality itself was a vassal of the Javanese state of Mataram.³⁵

Krisis yang digambarkan melalui Hikayat Hang Tuah oleh kerajaan Melaka adalah peristiwa yang dihadapi oleh Johor berhadapan dengan Jambi. Pertelingkahan terbuka di laut pertama kali berlaku antara Johor dan Jambi berlaku pada tahun 1666 apabila Raja Muda Johor belayar ke pulau Lingga. Kisah perkahwinan Sultan Melaka dengan Puteri Sultan Pahang bernama Tun Teja yang mendapat penglibatan sepenuhnya Hang Tuah dikaitkan dengan peristiwa sebenar Raja Muda Johor yang berusaha membawa isterinya ke Lingga apabila Raja Muda menghantar Laksamana ke Lingga sebagai utusan diplomatik. Seterusnya Braginsky berpendapat bahawa Hikayat Hang Tuah ini sebagai hasil sastra yang amat bermutu tetapi kekeliruan timbul mengenai soal sama ada benarkah ia dalam zaman Sultan Melaka.

Though the Hikayat Hang Tuah is, generally speaking, a national heroic epic, it is hard to define the genre to which it belongs with greater precision. On account of its extremely varied and diverse sources, it may justly be considered an example of literary synthesis, alongside many other works from the classical period of Malay literature.³⁶

Perdebatan Kewujudan Hang Tuah

Pemahaman tradisi orang Melayu ialah menjaga mengenai soal ketaatan kepada Raja dan pemerintah. Para pegawai, dalam konsep pemerintahan tradisional, perlu memberikan ketaatan tidak berbelah bagi kepada Sultan dan menerima apa juga hukuman yang dijatuhkan tanpa ingkar. Ingkar kepada perintah Sultan akan menjadikan seseorang itu derhaka. Oleh itu isu derhaka turut menjadi topik perbincangan dalam kalangan sarjana sejak tahun 1960an lagi. Antara manuskrip yang menyatakan mengenai konsep taat setia dalam kerajaan Melaka ialah Kratz. Pada tahun 1989 Kratz telah membentangkan mengenai konsep ini yang merujuk

35 L. Andaya, the Kingdom of Johor 1641-1728, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1978, hal. 86.

36 V.I. Braginsky, "Hikayat hang Tuah: Malay Epic and Muslim Mirror, Some Considerations on its Date, Meaning and Structure", hal. 403.

kepada ketaatan Hang Tuah kepada Sultan Melaka.³⁷ Justeru itu konsep ketaatan telah menjadi kekuatan kepada watak Hang Tuah kerana ianya adalah selaras dengan budaya masyarakat Melayu. Hang Tuah diangkat sebagai tokoh yang menyerahkan diri dan nyawanya demi bersikap taat kepada Sultan.

Penglibatan sarjana dalam bidang kesusasteraan mengenai Hikayat Hang Tuah tidak mengalami polemik besar berbanding golongan sarjana sejarah. Sarjana sejarah tempatan yang mengkaji mengenai Hang Tuah adalah seperti Zainal Abidin Abd Wahid, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Ahmat Adam, Abdullah Zakaria Ghazali, Abdul Rahman Haji Ismail, Muhd Yusuf Ibrahim. Profesor Wang Gung Wu bagaimanapun antara ahli sejarah terawal mengkaji mengenai Kesultanan Melaka bertajuk *The First Three Rulers of Malacca* yang diterbitkan dalam jurnal *JMBRAS* pada tahun 1968. Secara umum, kesemua sarjana sejarah tempatan menerima Hikayat Hang Tuah sebagai sebuah karya sastra sejarah. Bagaimanapun mereka berhati-hati untuk menerima keseluruhan karya ini berasaskan kepada fakta sejarah yang tepat. Perdebatan dari awal penglibatan sejarawan terhadap ketepatan Hang Tuah membawa kepada kajian lebih mendalam. Namun sumber yang digunakan adalah daripada manuskrip tempatan sama ada *Sejarah Melayu* dalam berbagai versi. Sebahagian besar sarjana ini menggunakan *Sejarah Melayu* versi Raffles MS 18 atau A Samad Ahmad.

Ketepatan fakta dalam Hikayat Hang Tuah berterusan diperdebatkan oleh sarjana sejarah. Malahan kemuncak kepada polemik ini berlaku apabila Ahmat Adam mencabar mengenai kesahihan kewujudan Hang Tuah. Maka berlakulah polemik di antara kumpulan ahli kesusasteraan dan bahasa dengan ahli-ahli sejarah. Perdebatan dihangatkan lagi apabila Profesor Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin menerbitkan sebuah buku bertajuk *Hang Tuah: Catatan Okinawa* pada awal tahun 2016. Kandungan utama buku ini berasaskan kepada pembuktian tiga sumber mendakwa bahawa Hang Tuah sudah sampai ke Ryukyu yang merupakan kerajaan Jepun yang sezaman dengan kerajaan Melaka. Tiga sumber yang digunakan oleh pengarang ialah sebuah dokumen dan satu artifak yang diterima dari kerajaan Ryukyu dan sebuah dokumen dari Portugal.

Pada 19 April 2016 telah diadakan perbincangan Meja Bulat Kedudukan Hang Tuah dalam *Sejarah Tamadun Melau* yang dianjurkan oleh Dato Zainal Borhan dipengerusikan oleh Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid. Perbincangan tertumpu kepada pandangan Profesor Emeritus Dr. Ahmat Adam bahawa Hang Tuah perlu dibuktikan dengan kaedah sejarah. Ketokohan Hang Tuah banyak dibincangkan dalam karya sastra, oleh itu jika mahu dibincangkan mengenai kewujudan Hang Tuah, maka pada pandangan Prof Ahmat Adam perlulah ia dibuktikan menggunakan metodologi sejarah. Profesor Ahmat Adam membawa kajian pensejarahan Hang Tuah dari segi filologi. Keberanian Prof Ahmat Adam mengusulkan bahawa lebih Hang Tuah perlu dibuktikan dari segi sejarah menjadi cabaran besar kepada pengkaji Hang Tuah. Dari satu perspektif ianya menyedarkan masyarakat karyawan agar tidak menerima semudahnya mengenai sesuatu perkara terutama yang terkandung dalam sastra sejarah, sebaliknya apa yang perlu dilakukan oleh golongan sarjana ialah menggunakan kaedah yang mantap agar seseorang tokoh dalam sastra Melayu dapat dipertahankan kedudukan mereka.

Terdapat dua orang ahli sejarah yang banyak melakukan kajian mengenai Hang Tuah. Pertama ialah Profesor Dato Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman berlatarbelakangkan

37 Kratz, E.U., 1989, 'Durhaka', Paper delivered at the Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989.

seorang ahli arkeologi budaya. Nik Hassan juga adalah merupakan seorang tokoh sejarah budaya yang telah melakukan kajian mengenai Hang Tuah sejak pertengahan tahun 1970-an. Nik Hassan berpegang teguh kepada pandangan beliau bahawa Hang Tuah adalah seorang tokoh yang benar-benar wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Seorang lagi ahli sejarah yang turut memberi perhatian dalam kajiannya mengenai Hang Tuah ialah Profesor Ahmat Adam. Ahmat Adam, anak jati Melaka, berlatarbelakangkan ahli akademik dalam bidang sejarah telah menumpukan masa yang banyak dalam kajian teks atau manuskrip Melayu telah mula menjejaki Hang Tuah sejak tahun 1970-an lagi. Penyelidikan beliau yang mendalam dengan menggunakan metodologi sejarah telah membawa kepada penghasilan sebuah buku bertajuk *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu dan Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia* diterbitkan pada tahun 2016. Penulisan Ahmat Adam menimbulkan polemik dalam dunia akademik apabila beliau mencabar tentang kesahihan Hang Tuah.

Di dalam bahagian kandungan, Ahmat Adam telah menulis iaitu sejarah menekankan objektiviti dan sikap tidak memihak kepada sesiapa, tetapi sebaliknya menceritakan yang benar sahaja.³⁸ Berasaskan kajian daripada manuskrip Sulalat u's-Salatin, yang ditulis pada tahun 1798 disimpan di *Oriental Manuscript Institute Archive* di Saint Petersburg, Russia dengan bantuan daripada Prof. Dr. E.V. Revunenkova, Ahmat Adam berhujah ejaan nama sebenar Hang Tuah adalah tidak tepat kerana manuskrip tulisan Jawi ini sebenarnya nama Hang Tuah sepatutnya disebut sebagai Hang Tuha atau Hang Toh. Hujah yang diberikan oleh Ahmat Adam dicatatkan dalam buku beliau iaitu;

“Pendapat yang dipegang sehingga kini bahawa Hang Tuah [sic, Hang Tuha] ialah nama pahlawan Melayu yang gemilang ternyata silap kerana bukan sahaja ejaan Jawi untuk kata “Tuha” telah tidak dibaca dengan betul, tetapi yang menyebabkan dakwaan itu lebih mustahil lagi bagi sesiapa pun pada zaman sekarang untuk mengetahui nama Laksamana Melaka kerana pengarang Sejarah Melayu sangat mematuhi adat pantang larang dalam penyebutan nama pembesar. Nama Tuha pun sebenarnya hanyalah satu nama gelar. Mitos Laksamana Hang Tuha dengan petualangannya pun hanyalah sebuah kisah mitos yang telah dicipta oleh pengarang Sejarah Melayu.”³⁹

Karya Ahmat Adam sebuah karya yang dilakukan melalui kajian mendalam beliau. Beliau memberikan pandangan kurang yakin dengan kehebatan Hang Tuah kerana tiada bukti yang menunjukkan seumpama. Jelas beliau lagi;

Tidak dapat dinafikan cerita tentang Hang Tuah [sic] yang tersebar ke serata pelosok Kepulauan Melayu memang sangat popular. Akan tetapi, kisah petualangannya itu adalah semata-mata bersifat sebuah cerita rakyat atau folklore Melayu yang tersebar melalui Hikayat Hang Tuah, sebuah karya yang ditulis atau mungkin juga disalin pada ketika Belanda telah menakluki Melaka, selewat-lewatnya pada akhir

38 Ahmat Adam, *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu dan Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia*, 2016.

39 Ahmat Adam, *Antara Sejarah dan Mitos*, hal. 182.

abad ke-17 pada ketika zaman kemegahan dan kebesaran kesultanan Melayu telah lupus. Pengarang Hikayat Hang Tuah itu pastilah seorang sasterawan kreatif yang jempolan kerana berjaya mengisi satu aspek daripada keperluan psychic Melayu yang merindui zaman kegemilangan Raja-raja Melayu yang telah hilang.⁴⁰

Ahmat Adam mempertahankan metodologi sejarah haruslah digunakan dengan terperinci dalam membuktikan kesahihan Hang Tuah. Bagi beliau sejarah harus diasaskan dengan matlamat mencari kebenaran dan tidak boleh memihak. Bagi beliau apa yang diutarakan ialah pendapat akademik. Justeru, beliau memberikan pandangan bahwa nama Hang Tuah tidak wujud pada abad ke 15 dan 16 iaitu zaman kesultanan Melayu Melaka tetapi pertama kali muncul dalam Hikayat Aceh yang ditulis pada abad ke 17. Ringkasnya apa yang ingin diperjuangkan oleh Ahmat Adam ialah menggunakan sejarah yang tepat dalam pembinaan sejarah negara. Beliau menegaskan antara lain iaitu;

Oleh sebab tindakan sewenang-wenang setengah pihak “membikin” sejarah inilah, maka demi kepentingan meluruskan sejarah tanah air, para sejarawan perlu sangat membersihkan sejarah negara daripada unsur mitos.

Pertentangan pandangan yang diberikan oleh Profesor Ahmat Adam memang memberi kesan kurang senang kepada masyarakat Malaysia yang sudah mengiktiraf kewujudan Hang Tuah. Apatah lagi pandangan yang dikemukakan cuba memperlecehkan usaha beberapa badan atau agensi kerajaan yang telah sekian lama mengangkat Hang Tuah sebagai pahlawan terbilang. Bagaimanapun dari sudut akademik, pernyataan Ahmat Adam telah membuka ruang lebih besar bagi ahli-ahli sarjana sejarah untuk lebih banyak menyelidiki tentang kewujudan Hang Tuah. Penyelidikan dan perbincangan terbuka akan mematangkan kedudukan Hang Tuah. Malahan ianya akan menarik minat lebih ramai ahli sejarah untuk terlibat membincangkan polemik ini. Oleh itu penting bagi ahli sejarah menggunakan metodologi yang sesuai dalam usaha mencari kesahihan Hang Tuah.


Kesimpulan

Semenjak diperkenalkan pada tahun 1821, kisah Hang Tuah sudah dibawa mengembara hampir seluruh ceruk di dunia. Hang Tuah sudah sampai ke benua Eropah terutamanya ke London, Amsterdam dan juga Moscow. Di dalam negeri Hang Tuah sudah dibawa oleh ahli sarjana hampir di semua pelosok tempat di Malaysia. Dalam usia jumpaannya yang sudah hampir 196 tahun sudah pastilah perbincangan mengenai Hang Tuah menjadi semakin kompleks. Hang Tuah tidak lagi dilihat dalam bidang kajian berbentuk makro tetapi sebaliknya ia dikaji oleh para sarjana dalam bentuk lebih mikro. Selama usianya yang menjangkau tua, Hang Tuah telah diangkat oleh sarjana kesusasteraan sebagai tokoh penting sebagai legenda negara. Ringkasnya Hang Tuah telah diangkat sebagai asas kesarjanaan yang tinggi kepada pengkajinya.

40 Ahmat Adam, Antara Mitos dan Sejarah, hal. 191.



Profesor Emeritus Dr Ahmat Adam



Profesor R Roolvink



Profesor Emeritus Dr Mohd Taib Osman



Profesor Dr Muhammad Haji Salleh



Profesor Emeritus Dr Nik Hassan Shuhaimi



Professor Vladimir I Briginsky